

**Raja Muda Perlis Rasmi Program Promosi UniMAP Di Melaka
Bernama
7 Januari , 2012**

MELAKA, 7 Jan (Bernama) -- Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail Jumaat malam merasmikan program promosi Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di Dataran Rempah di sini bersempena lawatan kerja tiga hari baginda ke Melaka.

Ketibaan baginda dan isteri Raja Puan Muda Tuanku Lailatul Shahreen Akashah ke dataran itu disambut Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan isteri Datin Seri Asmah Abdul Rahman dan Naib Canselor UniMAP Datuk Prof Dr Kamarudin.

Bercakap kepada pemberita, Kamarudin berkata program itu merupakan cetsan idea baginda selaku canselor universiti itu, bertujuan memberi peluang kepada masyarakat Melaka melihat hasil idea dan kecemerlangan UniMAP.

"Sepanjang dua hari program ini, kita akan mempamerkan sebilangan produk dan hasil penyelidikan UniMAP yang telah meraih pelbagai anugerah di peringkat tempatan dan antarabangsa," katanya.

Beliau berkata program yang julung kali diadakan itu juga menyediakan perkhidmatan pendaftaran untuk pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) memasuki universiti itu.

Lawatan baginda yang bermula semalam meliputi Program Menyusuri Sungai Melaka, Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman dengan lima buah syarikat di Melaka dan lawatan ke Taman Mini Malaysia.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638467>